

Ketua Negara Mengikut Konsep Islam dan Realiti Semasa di Malaysia

Bharuddin bin Che Pa*

ABSTRACT

This article explains the status, position and role of a Head of State from the Islamic perspective. It also describes some of the suitable honorific titles to be assumed by the Head of State in an Islamic state. This article also attempts to evaluate the extent of the role played by the Head of State of Malaysia in safeguarding the sanctity of the Islamic religion and in perpetuating the incumbent ruling system in this country.

PENGENALAN

Ketua negara merupakan pemimpin tertinggi dalam sesebuah negara. Kedudukan, fungsi dan peranan yang dimainkan oleh seseorang ketua negara mempunyai kaitan yang rapat dengan sistem politik yang diamalkan oleh negara tersebut. Oleh kerana ketua negara dianggap sebagai orang yang paling penting di dalam negaranya, maka beliau diberikan pelbagai tanggungjawab sama ada dari segi politik, pentadbiran, sosial dan lain-lain.

Ketua Negara mengikut Konsep Islam

Ketua bagi sebuah negara Islam dipanggil dengan berbagai-bagai gelaran. Di antara gelaran yang digunakan untuk ketua negara Islam ialah seperti *khalīfah*, *imām*, *al-*

* Pensyarah, Jabatan Siasah Syar'iyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

imāmah al-kubrā, amīr, amir al-mu'minīn dan lain-lain. Penjelasananya adalah seperti berikut:

i. *Khalīfah*

Istilah *khalīfah* adalah kata nama (*ism fā'il*)¹ yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu sebagai “orang yang menggantikan seseorang”.² Dari segi bahasa, perkataan tersebut berasal dari kata kerja *khalafa - yakhlufu* yang bermaksud “dia menjadi pengganti.”³ Oleh itu, seseorang yang menggantikan⁴ seseorang yang lain⁵ dengan mengambil tempatnya boleh dipanggil “*khalīfah*”.⁶ Contohnya seperti dikatakan *Khalafa zayd 'Umar*, yang memberi maksud *Zayd* telah menggantikan tempat 'Umar.⁷ *Khalīfah* juga adalah gelaran kepada ketua negara Islam di masa lalu.⁸ Selain itu istilah *khalīfah* ada juga digunakan sebagai gelaran kepada seseorang penguasa yang bertugas menjatuhkan hukuman ke atas orang-orang yang bersengketa.⁹

Dari segi istilah pula, *khalīfah* dimaksudkan kepada suatu jawatan ketua negara dalam negara Islam yang bertanggungjawab mentadbir urusan dunia dan hal ehwal agama selepas Rasulullah SAW.¹⁰ Merekalah yang menggantikan tempat Rasulullah SAW sebagai ketua negara.¹¹ Tugas *khalīfah* ialah memimpin umat manusia dengan memberi berbagai-bagai panduan ke jalan yang benar dan menyelesaikan masalah mereka mengikut dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh Allah.¹² Mengikut konsep syariah,

¹ Aḥmad Ibn Muḥammad Ibn 'Alī al-Fayyūmī al-Muqri' (t.t.), *Miṣbah al-Munir*. Beirut: Maktabah Lubnān, h. 68.

² Muḥammad Idrīs 'Abd Raūf al-Marbawī (1957), *Qāmūs Idrīs al-Marbawī*. Qāhirah: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, h. 186.

³ *Ibid.*, h. 185.

⁴ al-Munazzamāt al-'Arabiyyah wa al-Thaqāfah wa al-'Ulūm (1989), *Al-Mu'jam al-'Arabī al-Asāsī*. Larousse: al-Munazzamāt al-'Arabiyyah Wa al-Thaqāfah Wa al-'Ulūm, h. 419.

⁵ Maḥmūd Ḥilmī (1973), *Nizām al-Ḥukm al-Islāmī, Muqāranan bi al-Nuzum al-Mu'āshirah*, c. 2. Qāhirah: Dār al-Fikr al-'Arabī, h. 55.

⁶ Butrūs al-Bustānī (1983), *Muḥīṭ al-Muḥīṭ*. Beirut: Maktabah Lubnān, h. 250.

⁷ Munir al-'Ajlānī (t.t.), *Abqariyyah al-Islām fi Uṣūl al-Ḥukm*. Beirut: Dār al-Nafā'is, h. 62.

⁸ al-Munazzamāt al-'Arabiyyah wa al-Thaqāfah wa al-'Ulūm, *op.cit.*, h. 419.

⁹ Butrūs al-Bustānī, *op.cit.*, h. 250.

¹⁰ Haji Dasuki bin Haji Ahmad (1980), *Kamus Pengetahuan Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah, h. 173.

¹¹ M. Shodiq (1991), *Kamus Istilah Agama*. Jakarta: Donafida Cipta Pratama, h. 172.

¹² Haji Dasuki bin Haji Ahmad, *op.cit.*, h. 173.

khalīfah adalah ketua tertinggi¹³ dalam sesebuah negara, di mana tidak ada lagi ketua lain yang lebih tinggi darinya¹⁴ di dalam negara tersebut. Ia juga di sifatkan sebagai sultan yang paling agung¹⁵. Kedudukan dan taraf seorang *khalīfah* sebagai ketua negara amatlah dihormati dan segala arahnya hendaklah dipatuhi. Dalam sesebuah negara setiap rakyat hendaklah patuh kepada perintahnya.¹⁶ Istilah “*al-khulafā’ al-rāsyhidūn*” pula memberi maksud *khalīfah* yang mendapat pertunjuk. Mereka yang digelar kan sedemikian ialah, Abu Bakr, ‘Umar, ‘Uthman dan ‘Ali.¹⁷

Khalīfah juga kadang-kadang memberi pengertian sebagai umat manusia yang diberi kemampuan dan wewenang untuk mengatur urusan hidup di dunia ini selaras dengan ajaran Allah s.w.t.¹⁸ Tentang ini Ibn Khaldūn berpendapat, *khalīfah* ialah orang yang boleh membawa rakyat melaksanakan hukum-hukum agama demi kepentingan akhirat dan kehidupan dunia mereka. Segala urusan dunia dikaitkan dengan kemaslahatan hari akhirat. Oleh itu, *khalīfah* ialah orang yang mempraktikkan hukum syarak demi menjaga agama dan mentadbir dunia dengannya.¹⁹ Mengikut pandangan al-Mawdūdī pula, *khalīfah* ialah orang yang menggantikan seseorang yang lain dalam menjalankan tugas.²⁰ Selain itu, beliau juga berpendapat orang yang melaksanakan hukum Allah boleh dianggap sebagai *khalīfah*, dengan syarat apa yang dilaksanakan itu mestilah mengikut landasan yang ditentukan oleh Islam dan tidak menyeleweng dari ketetapan Allah.²¹ Oleh kerana *khalīfah* ada kuasa, maka rakyat mesti memberikan ketaatan kepada mereka. *Khalīfah* diberi kuasa untuk melaksanakan hukum-hukum Allah dan menegakkan syariah-Nya di dunia ini. Begitu juga beliau diberi kuasa untuk mengatur urusan hidup yang berkaitan dengan peraturan-peraturan keduniaan²² yang diamalkan dalam sesebuah negara.

¹³ Muḥammad Ibn Abī Bakr al-Rāzī (1981), *Mukhtār al-Ṣiḥḥah*. Beirut: Dār al-Fikr, h. 186.

¹⁴ Butrūs al-Bustānī, *op.cit.*, h. 250.

¹⁵ al-Muqrī, *op.cit.*, h. 68.

¹⁶ Haji Dasuki bin Haji Ahmad, *op.cit.*, h. 173.

¹⁷ M. Shodiq, *op.cit.*, h.172.

¹⁸ *Ibid.*

¹⁹ ‘Abd al-Raḥmān Ibn Muḥammad Ibn Khaldūn (t.t.), *Muqaddimah Ibn Khaldūn*. Beirut: Dār al-Jīl, h. 211.

²⁰ Abu al-A‘la al-Mawdūdī (1985), *Asas Dan Prinsip Peradaban Islam*. Halimuddin S.H. (terj.). Singapura: Pustaka Nasional, h. 19.

²¹ Abu al-A‘la al-Mawdūdī (1981), *Niẓām al-Hayah fi al-Islām*. al-Ittiḥād al-Islāmī al-‘Ālami li al-Munazzamah al-Ṭulābiyyah, h. 24.

²² Ḥasan Ibrāhīm dan ‘Alī Ibrāhīm (1970), *al-Nuzum al-Islāmiyyah*, c. 4. Qāhirah: Maktabah al-Nahḍah al-Miṣriyyah, h. 18.

ii. *Imām*

Istilah *imām* adalah berasal dari kata perbuatan 'Ammā, ya'ummu, yang bermaksud orang yang menjadi ikutan orang lain atau orang yang memimpin sesuatu kaum²³ sama ada ke arah pertunjuk atau ke arah kesesatan,²⁴ tidak kira sama ada beliau seorang lelaki atau perempuan.²⁵

Mengikut istilah politik Islam pula, *imām* ialah ketua tertinggi bagi sesebuah negara yang bertanggungjawab melindungi agama serta mentadbir urusan dunia dengan agama.²⁶ Ia juga memberi pengertian yang sama dengan *khalīfah*.²⁷ Dalam istilah fiqh Ketua negara digelar sebagai *al-imāmah al-kubrā*. Ini bertujuan untuk membezakannya dengan istilah *al-imāmah al-sughrā* yang biasanya digunakan oleh 'ulamā' fiqh bagi memberi maksud *imām* sembahyang.²⁸

Ketua negara dinamakan *imām* kerana kedudukannya hampir menyerupai *imām* dalam sembahyang yang mana dia menjadi pemimpin dan ikutan bagi orang lain. Cuma *imām* dalam sembahyang biasanya dinamakan *al-imāmah al-sughrā* kerana skopnya lebih kecil, manakala ketua negara pula digelar dengan *al-imāmah al-kubrā*²⁹ atau *al-imāmah al-'uẓmā*. Jadi, *al-imāmah al-kubrā* dari segi istilahnya ialah ketua negara dalam masalah agama dan persoalan keduniaan. Beliau merupakan pengganti Nabi Muhammad SAW.³⁰ Seseorang *Imām* itu sepatutnya hendaklah dilantik oleh rakyat secara bay'ah. Rakyat wajib mematuhi perintahnya selagi ia tidak menyeleweng dari hukum-hukum Allah. *Imām* yang hendak dilantik itu hendaklah dari kalangan orang yang tidak pernah lalai hubungannya dengan Allah.³¹

²³ al-Shaykh 'Abd Allāh al-Bustāni (1980), *al-Wāfi Mu'jam Wāsiṭi al-Lughah al-'Arabiyah*. Beirut: Maktabah Lubnan, h. 19.

²⁴ al-Shaykh Aḥmad Riḍa (1958), *Mu'jam Matn al-Lughah*, j. I. Beirut: Dār Maktabah al-Hayāh, h. 206.

²⁵ Dār al-Mashriq (t.t.), *al-Munjid fi al-Lughah Wa al-A'lām*, c. 24. Beirut: Dār al-Mashriq, h.17.

²⁶ Abū al-Ḥasan 'Alī Ibn Muḥammad Ibn Ḥabīb al-Baṣrī al-Baghdādī al-Māwardī (t.t.), *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah wa al-Wilāyah al-Dīniyyah*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 5; Lihat juga Butrūs al-Bustānī, *op.cit.*, h. 16.

²⁷ *al-Mu'jam al-'Arabī al-Asāsī*, *op.cit.*, h. 108.

²⁸ Wizārah al-Awqāf Wa al-Syu'ūn al-Islāmiyyah al-Kuwayt (1985), *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*, j. VI, c. 1. Kuwait: Matba'ah al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah, h. 201.

²⁹ Ḥasan Ibrāhīm Ḥasan dan 'Alī Ibrāhīm Ḥasan, *op.cit.*, h. 19.

³⁰ Wizārah al-Awqāf, *op.cit.*, h. 201.

³¹ Haji Dasuki bin Haji Ahmad, *op.cit.*, h. 136; M. Shodiq, *op.cit.*, h. 137.

al-Māwardī telah menyebut di dalam bukunya *al-Aḥkām al-Sulṭaniyyah*:

“*Imām* atau ketua negara diwujudkan untuk mengganti Rasulullah SAW bagi melindungi agama serta mentadbir urusan keduniaan”.³²

Berdasarkan petikan di atas jelaslah beliau berpendapat ketua negara adalah orang yang bertanggungjawab terhadap urusan agama dan urusan keduniaan. Ketua negara layak menjadi *imām* semasa sembahyang, memimpin pasukan jihad, mengetuai orang ramai dalam urusan pejabat, serta segala kekuasaan dalam kepimpinan negara terserah kepadanya. Beliau boleh mengagih-agihkan kuasa tersebut kepada sesiapa sahaja yang diinginkannya.³³ Abu Bakr al-Jassas pula menjelaskan, *imām* ialah ketua dalam soal agama serta dianggap ikutan para nabi-nabi. Seluruh nabi-nabi adalah *imām* dan Allah mewajibkan manusia mengikutnya serta bernaung dengan mereka dalam soal-soal keagamaan. *Khalīfah* adalah *imām* kerana beliau boleh menentukan beberapa perkara yang wajib dipatuhi. Beliau adalah pembawa hukum-hakam dan berotoriti membuat sesuatu keputusan.³⁴

iii. *Amīr* dan *amīr al-mu'minīn*

Perkataan *amīr* memberi maksud raja atau orang yang dilantik menjadi ketua dalam sesebuah masyarakat.³⁵ Istilah ini kadang-kadang digunakan juga untuk anak-anak raja atau para *umarā'*.³⁶ Istilah *amīr* kadang kala digunakan juga untuk seseorang yang dilantik menjadi pemimpin untuk sesuatu kaum, walaupun beliau bukanlah berasal dari keturunan yang mulia. Sebaliknya istilah tersebut dipakai juga untuk gelaran kepada orang-orang yang berasal dari keturunan yang mulia, walaupun beliau tidak dilantik sebagai pemimpin³⁷ bagi sesuatu kaum.

Amīr juga memberi maksud orang yang memerintah, pimpinan tertinggi, hulubalang atau panglima yang berhak mengeluarkan perintah.³⁸ Dalam Bahasa Inggeris, perkataan

³² al-Māwardī, *op.cit.*, h. 5.

³³ Munīr al-'Ajlānī, *op.cit.*, h. 62.

³⁴ al-Jaṣṣāṣ, Abū Bakr Aḥmad Ibn 'Alī al-Rāzī (t.t.), *Aḥkām al-Qurān*, Muḥammad Ṣodīq Qamḥāwī (ed.), j. I. Qāhīrah: Cetakan 'Abd al-Raḥman Muḥammad, h. 68.

³⁵ al-Shaykh Aḥmad Riḍa, *op.cit.*, h. 204.

³⁶ al-Munazzamāt al-'Arabīyah wa al-Thaqāfah wa al-'Ulūm, *op.cit.*, h. 106.

³⁷ Dār al-Mashriq, *op.cit.*, h. 17.

³⁸ M. Shodiq, *op.cit.*, h. 27.

amīr itu menjadi *Emir*. Dalam Bahasa Latin pula disebut *Amiratus* atau *Admiral* yang berasal dari perkataan *amīr al-Baḥr*. *Admiral* ialah gelaran yang diberikan kepada pemimpin bagi angkatan tentera laut.³⁹ Di Tanah Arab perkataan *amīr* juga digunakan untuk pemimpin suku kaum atau pemimpin sesebuah wilayah.⁴⁰

Amīr al-mu'minīn pula adalah satu gelaran bagi *khalīfah-khalīfah* Islam pada zaman pemerintah kerajaan Islam di zaman lampau. Ia memberi pengertian sebagai pemerintah bagi sekalian orang Islam. Orang pertama yang diberi gelaran tersebut ialah *Khalīfah* 'Umar al-Khaṭṭāb,⁴¹ *al-khulafā' al-Rasyidūn* yang kedua.⁴² Beberapa orang raja di Indonesia juga pernah menggunakan gelaran *amīr al-mu'minīn*. Contohnya, gelaran *Amīr al-Mu'minīn Sayyidin Panatagama* untuk Raja-raja Mataram.⁴³ Sultan-sultan Turki ada juga yang digelar *Amīr al-Mu'minīn*.⁴⁴

'Umar al-Khaṭṭāb pada peringkat awal pelantikannya digelar sebagai *khalīfah* atau *khalīfah* Rasūlillāh. Oleh kerana beliau menggantikan *Khalīfah* Abū Bakr dan bukannya menggantikan Rasūlullāh, maka 'Umar telah mengarahkan supaya orang ramai memanggilnya “*Amīr al-Mu'minīn*” bukannya *Khalīfah Rasūlillāh*.⁴⁵ Oleh kerana istilah *amīr* yang digunakan oleh orang-orang Arab pada masa itu bagi maksud ketua tentera, maka penggunaan istilah ini di zaman 'Umar telah menggambarkan kedudukan orang-orang Islam sudah cukup kuat dari segi ketenteraan. 'Umar telah menjadi ketua bagi kekuatan tersebut.⁴⁶

Kadang-kadang ketua negara disebut sebagai penguasa. Penguasa memberi maksud beliau mempunyai kemampuan, kebolehan dan peluang khas untuk menguasai rakyat. Kekuasaan tersebut bukanlah sampai mengatasi kekuasaan Allah s.w.t. Ketua negara berhak mengeluarkan arahan dan arahan tersebut wajib dipatuhi oleh rakyat sekadar mana ianya tidak bercanggah dengan hukum-hukum Allah.⁴⁷

³⁹ al-Munazzamāt al-'Arabiyyah wa al-Thaqāfah wa al-'Ulūm, *op.cit.*, h. 106.

⁴⁰ M.Shodiq, *op.cit.*, h. 27.

⁴¹ Butrūs al-Bustānī, *op.cit.*, h. 16.

⁴² Haji Dasuki bin Haji Ahmad, *op.cit.*, h. 35.

⁴³ M.Shodiq, *op.cit.*, h. 28.

⁴⁴ Thomas Patrick Hughes, B.D., M.R.A.S. (1964), *A Dictionary of Islam*. Lahore: Premier Book House, h. 14.

⁴⁵ Hasan Ibrāhīm Ḥasan dan 'Alī Ibrāhīm Ḥasan, *op.cit.*, h. 20.

⁴⁶ *Ibid.*

⁴⁷ Lihat al-Bukhārī, Muḥammad Ibn Ismā'il Ibn al-Mughīrah (1979), *Ṣaḥīḥ Bukhārī*, j. II, c. 2. Qāhirah: Maktabah al-Khanjī, h. 443.

Peranan dan fungsi Ketua dalam sesebuah negara itu sangat penting. Dengan adanya ketua barulah masyarakat manusia mempunyai kemampuan untuk membentuk komuniti dan membina masyarakat dalam kehidupan mereka. Al-Māwardī berpendapat, manusia ialah makhluk yang lemah memerlukan banyak bantuan dari rakan-rakan mereka. Mereka sentiasa berhajat kepada orang lain untuk mengatasi kelemahan diri mereka. Tetapi Allah memberikan kepada manusia itu akal dan pertunjuk melalui kecerdikan yang ada pada diri mereka.⁴⁸ Tabiat inilah yang mendesak manusia untuk bermasyarakat dan bernegara. Apabila terbentuknya masyarakat, maka terbentuklah sistem kepimpinan yang boleh menghindarkan permusuhan dan pergaduhan di antara manusia sesama sendiri.⁴⁹ Pada masa itu wajiblah dilantik seorang ketua negara yang memimpin orang ramai dalam soal-soal yang berkaitan dengan keduniaan dan keagamaan.

Contoh peranan yang boleh dimainkan oleh Ketua Negara ialah sebagaimana yang telah dilakukan oleh Rasūlullāh SAW selepas Baginda mendirikan Kerajaan Islam di Madinah. Di dalam piagam Madinah ada kenyataan yang menunjukkan Baginda Rasūlullāh mempunyai peranan yang sangat penting. Peruntukan undang-undang di dalam piagam tersebut menjelaskan:

*“Tidak boleh jadi satu peristiwa di antara peserta perlembagaan ini atau terjadi pertengkaran, melainkan segera dilaporkan dan diserahkan penyelesaiannya menurut (hukum) Allah dan (kebijaksanaan) utusan-Nya Muhammad SAW. Mudah-mudahan Allah mencurahkan selawat dan salam atasnya. Allah berpegang teguh kepada piagam ini dan orang-orang yang setia kepadanya.”*⁵⁰

Petikan ini menjelaskan Nabi Muhammad diberi kuasa menyelesaikan segala persengketaan berdasarkan undang-undang Allah. Ini bererti bagindalah sumber rujukan utama dalam masalah perundangan. Walaupun kedudukan baginda tidak sama dengan badan perundangan hari ini, fungsinya sama sahaja iaitu menggubal undang-undang yang dilaksanakan oleh masyarakat dalam sesebuah negara.⁵¹

⁴⁸ al-Māwardī (1981), *Adab al-Dm̄ wa al-Dunyā*, c. 1. Beirut: Dār Iqra', h. 143.

⁴⁹ al-Māwardī (t.t.), *op.cit.*, h. 5.

⁵⁰ Mohammad Mokhtar Shafie (1989), *Sejarah Islam Abad Pertama*, c. 2. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, hh. 151-152.

⁵¹ Ḥasan Ibrāhīm Ḥasan (1964), *Tarīkh al-Islāmī al-Siyāsī wa al-Dm̄ wa al-Thaqāfī wa al-Ijtīmā'ī*, j. I, c.7. Qāhirah: Maktabah al-Nahḍah al-Miṣriyyah, h. 484.

Sebab itulah al-Māwardī menganggap peranan ketua negara adalah pengganti para nabi untuk menjaga agama dan politik dunia.⁵² Tugas utama mereka ialah memerintah dunia ini dengan hukum Allah, supaya manusia semua mematuhi Allah s.w.t. dalam semua urusan hidup mereka. Hikmat melantik ketua dalam sesebuah negara ialah untuk menjaga keamanan, ketenteraman, melaksanakan hukum hudud dan mengembalikan sesuatu itu kepada kebenaran. Sebab itulah *ahl al-hal wa al-'aqd* hendaklah melantik orang yang paling layak dan cukup syarat-syaratnya untuk menjadi ketua negara.⁵³ Ramai *ulamā* lain yang juga mempunyai pendapat yang hampir sama dengan al-Māwardī. Mereka berpendapat bagi mengelakkan berlakunya pergaduhan dan peperangan sesama manusia maka perlulah dilantik seorang Ketua Negara yang berwibawa sesuai untuk memegang kuasa tertinggi dalam negara tersebut. Ketua negara tersebut mestilah mampu menyusun suatu bentuk sistem pemerintahan yang mendatangkan kebaikan kepada semua orang.

Kedudukan Raja dalam Masyarakat Melayu Islam

Biasanya raja ialah gelaran kepada seseorang yang berkuasa untuk memerintah sesebuah negeri atau negara secara individu (*rules alone*).⁵⁴ Dialah yang mengepalai dan memerintah sesuatu kerajaan.⁵⁵ Raja berasal dari perkataan sanskrit iaitu '*rajah*'. Dalam bahasa Melayu perkataan raja mempunyai berbagai-bagai makna, di antaranya ia memberi pengertian *sultan* yang memerintah dan mengetuai sesebuah negeri khususnya di Semenanjung Malaysia.⁵⁶ Gelaran raja juga diberikan kepada bakal raja seperti istilah raja muda. Permaisuri raja pula diberi berbagai-bagai gelaran seperti raja perempuan atau raja permaisuri.⁵⁷ Konsep raja yang berbentuk raja mutlak atau raja berdaulat yang diamalkan secara meluas pada zaman dahulu kala adalah suatu sistem yang berasaskan nilai-nilai tradisi. Di kebanyakan negeri sistem tersebut sudah

⁵² *Ibid.*

⁵³ Abū Ya'ālā, Muḥammad Ibn al-Ḥusaynī al-Farrā' (1966), *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah*, c. 2. Qāhirah: Maktabah Muṣṭafā al-Bābi al-Ḥalabi wa Awlāduh, h. 19.

⁵⁴ Grolier International (1983), *Grolier Academic Encyclopedia*, j. 12. USA: Grolier International, h. 80.

⁵⁵ J.S. Badadu dan Prof. Sutan Mohammad Zain (1994), *Kamus Umum Bahasa Indonesia*. Jakarta: Pustaka Sinar Harapan, h. 1120.

⁵⁶ Anzagain Sdn. Bhd. (1995), *Ensiklopedia Malaysiana*, j. 2. Kuala Lumpur: Anzagain Sdn. Bhd., h. 110.

⁵⁷ *Ibid.*

tidak diamalkan lagi dan ianya telah bertukar kepada sistem raja berpelembagaan.⁵⁸ Fungsi utama mereka adalah sebagai simbol kebangsaan, kesatuan dan kebersamaan.⁵⁹

Kedudukan raja sebagai ketua negara telah mendapat pengiktirafan di kalangan penduduk Tanah Melayu sejak dahulu lagi. Kewujudan raja dikaitkan dengan wujudnya sesebuah kerajaan. Dari segi asal usul istilahnyapun sudah menyakinkan kita. Istilah 'kerajaan' diambil dari perkataan 'raja'. Perkataan 'state' atau 'government' dalam bahasa Inggeris diterjemahkan sebagai 'kerajaan' dan tentu sekali ada kaitannya dengan raja. Ini membayangkan pada pemikiran orang Melayu kerajaan dan raja sangat rapat hubungannya. Ia juga membayangkan bahawa orang-orang Melayu sejak dahulu lagi ada raja dan mengamalkan sistem pemerintahan beraja.⁶⁰ Mereka menganggap raja adalah ketua negara yang dapat menjamin kedamaian, kemakmuran dan kegemilangan masyarakat. Buktinya, Sejarah Melayu menekankan bahawa negara hanya wujud selagi wujudnya seorang raja yang berwibawa.⁶¹ Jadi, kerajaan ialah bentuk pemerintahan yang ketuanya ialah raja.⁶²

Masyarakat Melayu tradisional pernah menganggap bahawa raja adalah wakil tuhan di dunia ini. Dalam ungkapan bahasa Arab ia disebut dengan berbagai-bagai istilah seperti *zallullāh fi al-'ālam*, *zallullāh fi al-arḍ* dan *khalīfah al-mu'minīn*. Risalat Hukum Kanun Melaka⁶³ (selepas ini disebut RHKM) memberi gelaran *khalīfah al-mu'minīn zallullāh fi al-'ālam*⁶⁴ kepada raja-raja yang memerintah negeri Melaka. Selain itu terdapat juga undang-undang Melaka versi lain yang menyokong fakta-fakta di atas. Contohnya dalam *Risalat Hoekoem Kanoen Jaitoe Oendang-oendang Melaka*⁶⁵ yang

⁵⁸ Grolier Incorporated (1984), *The Encyclopedia Americana* (International Edition). Connecticut: Grolier Incorporated, h. 453.

⁵⁹ Grolier International, *Grolier Academic Encyclopedia*, *op. cit.*, h. 80.

⁶⁰ A.C. Milner (1985), "Islam And Malay Kingship", dalam Ahmad Ibrahim *et al.*, *Reading On Islam In Southeast Asia*. Singapore: Institute Of Southeast Asian Studies, h. 25.

⁶¹ Brown, C.C. (1976) (terj.), *Sejarah Melayu of Malay Annals*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, h. 185.

⁶² J.S. Badadu dan Prof. Sutan Mohammad Zain (1994), *Kamus Umum Bahasa Indonesia*. Jakarta: Pustaka Sinar Harapan, h. 1121.

⁶³ Microfiche 15 (LUB D393/1 K1.45), *Risalat Hukum Kanun Melaka*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Utama Universiti Malaya. Risalat ini ditulis dengan menggunakan tulisan jawi.

⁶⁴ *Ibid.*, h. 2.

⁶⁵ PH. S. Van Ronkel (ed.) (1919), *Risalat Hoekoem Kanoen Jaitoe Oendang-oendang Melaka*. Leiden: Boekhandel En Drukkerij Voorheen E. J. Brill.

diedit oleh PH. S. Van Ronkel ada tertulis satu gelaran khas kepada raja sebagaimana berikut:

*“...dan turun kepada Putera baginda Sultan Mahmud Syah Khalīfah al-Mu’minīn Zallullāh fi al-‘ālam. Ialah yang mempunyai adat hukum dan perintah.”*⁶⁶

Manakala *Undang-Undang Melaka (The Laws of Melaka)*⁶⁷ yang diedit oleh Liaw Yock Fang juga menggelarkan raja sebagai *Zallullāh fi al-‘ālam*. Undang-undang itu menegaskan:

*“...Sultan Iskandar Syah. Ialah raja yang pertama menyusuk negeri Melaka. Ialah yang bergelar Sultan Mahmud Syah Zallullāh fi al-‘ālam. Ialah raja yang pertama masuk agama Islam.”*⁶⁸

Bukti lain yang menunjukkan raja-raja Melayu Melaka dihubungkan dengan Allah dan Rasulullah ialah wasiat Bendahara Tun Perak yang telah tertulis di dalam buku *Sejarah Melayu*:

“...dan jangan kamu sekalian lupa pada berbuat kebaktian kepada raja kamu. Maka kata hukama, adalah raja yang adil itu dengan Nabi s.a.w. umpama dua buah permata pada sebetuk cincin; lagipun raja itu umpama ganti Allah di dalam dunia, kerana ia zallullāhu fi al-‘ālam. Apabila berbuat kebaktian kepada raja, seperti berbuat kebaktian kepada Allāh subhanahu wata’ala. Yakni berbuat kebaikan kamu akan Allah dan Rasulnya...hendaklah jangan kamu lupai, supaya kebesaran dunia akhirat kamu perolehi”.⁶⁹

Oleh kerana masih kuat berpegang kepada adat dan tradisi, maka unsur kudus, luhur dan suci tetap terus menjadi intisari untuk membina dan menegakkan daulat dan meletakkan taraf raja mengatasi segala undang-undang. Masyarakat menganggap raja dan Rasul sebagai dua buah permata yang saling bergandingan membentuk sebetuk

⁶⁶ *Ibid.*, h. 3.

⁶⁷ Liaw Yock Fang (1976), *Undang-undang Melaka (The Laws Of Melaka)*. Netherlands: The Hague - Martinus Nijhoff.

⁶⁸ Lihat Liaw Yock Fang, *Undang-undang Melaka (The Laws Of Melaka)*, *op. cit.*, h. 64.

⁶⁹ W.G Shellabear (ed.) (1896), *Sejarah Melayu (Edisi Jawi)*. Singapura: Malay Publishing, House Limited, h. 224.

cincin. Seorang raja diumpamakan sebagai ganti Allah untuk memerintah manusia di dunia ini.

Dalam sistem politik Melayu Islam raja juga adalah sumber dan pusat kuasa. Raja adalah penyusun adat istiadat, pemilik kerajaan dan berdiri teguh mempertahankan imej negara Islam dalam sebuah masyarakat yang bahagia serta mengamalkan undang-undang syariah Islam. Kuasa raja adalah restu daripada daulat yang dimiliki oleh raja tersebut. Kuasanya disalurkan bagi menggerakkan jentera serta tenaga-tenaga pemerintahan dan pentadbiran. Contohnya di zaman kerajaan Melaka Zaman Melaka, peribadi dan tubuh raja itulah yang didaulati. Kerajaan Melaka itu sendiri terbentuk hanya selepas adanya raja yang memerintah. Kedudukan raja sungguh tinggi dan istimewa dalam sistem kerajaannya. Titah perintahnya adalah undang-undang, gerak-gerinya boleh jadi arahan untuk bertindak, malah perbuatan dan tabiatnya tidak boleh ditegur. Sekiranya ada undang-undang yang diamalkan dalam kerajaannya, raja boleh mengatasi undang-undang tersebut. Raja yang memerintah itu sendiri sebenarnya undang-undang. Oleh itu raja dan kerajaan adalah sinonim, sebab dari segi ideal raja dipercayai seperti pohon yang rimbun, tempat rakyat tumpang berteduh. Anggapan rakyat terhadap raja yang sedang berkerajaan begitu tinggi. Sehingga Sejarah Melayu menegaskan:

“...rakyat itu umpama akar, yang raja itu umpama pohon, jikalau tiada akar nescaya pohon tiada akan dapat berdiri, demikian lagi raja itu dengan segala rakyatnya.”⁷⁰

Selain itu banyak lagi istilah-istilah yang ada kaitan dengan pengaruh Islam pernah digunakan kepada raja-raja yang pernah memerintah di Tanah Melayu. Contohnya ialah seperti sekeping dinar emas yang dijumpai di Kelantan dalam tahun 1914, yang bertulis di salah satu mukanya dengan perkataan “*al-Julūs Kelantan*” dan di muka yang kedua bertulis dengan perkataan “*al-Mutawakkil*”.⁷¹ *Al-Julūs* dari segi bahasa ertinya ialah duduk dan dari segi istilah ialah menduduki singgahsana. *Al-Mutawakkil* pula ialah gelaran rajanya, yang bermaksud orang yang bertawakkal, iaitu bertawakkal kepada Allah. Analisis sejarah menjelaskan bahawa *al-Mutawakkil* adalah gelaran kepada seorang raja yang pernah memerintah kerajaan Islam di Kelantan dalam abad yang keduabelas.

⁷⁰ *Ibid.*, h. 202.

⁷¹ Sa'ad Shukri Haji Muda (1971), *Detik-detik Sejarah Kelantan*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press, h. 28.

Beberapa gelaran lain lagi bagi raja Islam terdapat pada beberapa keping wang syiling. Sebagai contoh, terdapat beberapa keping wang syiling yang telah digunakan pada kurun ke 15 di Melaka. Di antara gelaran yang digunakan untuk raja pada kepingan wang tersebut ialah ‘*Sultān*’, ‘*Shah*’ dan “*Nasr al-dunyā wa al-dīn*” (penolong dunia serta penolong agama).⁷² Di Kedah, Terengganu dan Johor wang syilingnya menamakan raja sebagai ‘*khalīfah*’ di mana gelaran tersebut juga dijumpai di dalam Hukum Kanun dari Pahang.⁷³ Beberapa istilah di atas membuktikan bahawa institusi raja-raja Melayu sebelum ini pernah menerima pengaruh Islam dan mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan dan sistem pemerintahan negara.

Kedudukan Raja-raja Melayu di Malaysia Kini

Sistem pemerintahan Persekutuan yang diamalkan di Malaysia sejak tahun 1948 hingga kini juga tidak menggugat kedudukan dan kuasa Raja-raja Melayu. Bahkan sistem Persekutuan yang diamalkan oleh negara Malaysia menjamin kedudukan dan hak Raja-raja Melayu di negeri masing-masing. Tentang ini Perlembagaan Persekutuan menjelaskan:

*“Persekutuan adalah menjamin hak Raja sesuatu negeri untuk mewarisi dan memegang, menikmati dan menjalankan hak-hak perlembagaan dan keistimewaan-keistimewaan Raja negeri itu mengikut Perlembagaan Negeri itu; akan tetapi apa-apa pertikaian tentang hak untuk mewarisi sebagai Raja mana-mana Negeri hendaklah diputuskan hanya oleh mana-mana pihak berkuasa dan hanya mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Negeri itu.”*⁷⁴

Ungkapan, “...keistimewaan-keistimewaan Raja negeri itu mengikut Perlembagaan Negeri itu” di atas jelas menggambarkan bahawa kebanyakan peraturan dan undang-undang mengenai Raja dan institusi Perajaan setiap negeri hendaklah dirujuk kepada Perlembagaan negeri masing-masing. Contohnya hak istimewa Raja-raja untuk mewarisi takhta dan memegang kuasa dalam sesebuah negeri adalah bergantung kepada

⁷² W.W. Shaw dan Mohd. Kassim Haji Ali (1970), *Malacca Coins*. Kuala Lumpur, h. 2–4.

⁷³ W.W. Shaw dan Mohd. Kassim Haji Ali (1971), *Coin of North Malaya*. Kuala Lumpur, h. 12.

⁷⁴ Lembaga Penyelidikan Undang-undang (ed.) (2002), *Perlembagaan Persekutuan*, (Mengandungi Semua Pindaan Hingga 10 hb. Januari 2002). Kuala Lumpur: International Law Book Services, Perkara 71 (1).

ketetapan yang dibuat dalam perlembagaan negeri masing-masing. Begitu juga penglibatan Baginda dalam sistem pemerintahan dan perundangan negeri. Terdapat sembilan buah negeri di Malaysia yang mengamalkan sistem Raja berpelembagaan. Sembilan buah negeri yang dimaksudkan itu ialah negeri Perlis,⁷⁵ Kedah,⁷⁶ Kelantan,⁷⁷ Terengganu,⁷⁸ Pahang,⁷⁹ Perak,⁸⁰ Selangor,⁸¹ Negeri Sembilan⁸² dan Johor.⁸³

Perlembagaan negeri-negeri tersebut tetap menganggap Raja negeri masing-masing mempunyai kedaulatan dan kehebatan dalam negerinya, dan kedaulatan tersebut juga dianggap telah sebatu dalam tubuh badan Raja yang memerintah.⁸⁴ Dalam perlembagaan setiap negeri ada beberapa peruntukan yang berkaitan dengan Raja dan institusi Perajaan yang tidak boleh disentuh atau dipinda oleh Badan Perundangan Negeri. Perlembagaan Persekutuan ada menjelaskan:

*“Peruntukan-peruntukan yang berkenaan dengan mewarisi takhta Kerajaan dan kedudukan Pembesar-pembesar Memerintah dan pembesar-pembesar adat Melayu yang seumpamanya tidak boleh dipinda oleh Badan Perundangan Negeri”.*⁸⁵

⁷⁵ Article 46, State of Perlis, *The Laws of The Constitution of Perlis*. Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan.

⁷⁶ Article 44, State of Kedah, *The Laws of The Constitution of Kedah*. Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan.

⁷⁷ Article XXVIII, State of Kelantan, First Part, *The Constitution of The State of Kelantan*. Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan.

⁷⁸ Article XXVI, State of Terengganu, First Part, *The Laws of The Constitution of Terengganu*. Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan.

⁷⁹ Article 17, State of Pahang, Part II, *The Constitution of The State of Pahang*. Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan.

⁸⁰ Article XXVIII, State of Perak, Part I, *The Laws of The Constitution of Perak*. Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan.

⁸¹ Article LXI, State of Selangor, *The Laws of The Constitution of Selangor 1959*. Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan.

⁸² Article XLVII, State of Negeri Sembilan, *The Laws of The Constitution of Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan.

⁸³ Article XIV, State of Johor, Second Part, *The Laws of The Constitution of Johore*. Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan.

⁸⁴ Lihat, Article , Second Part, *The Laws of The Constitution of Terengganu*; Article XI, XII, Part II, *The Laws of The Constitution of Perak*; Article 32, *The Laws of The Constitution of Perlis*; Article 32, *The Laws of The Constitution of Kedah*.

⁸⁵ Seksyen 19 (2) Jadual Kelapan, *Perlembagaan Persekutuan*.

Di antara peruntukan-peruntukan yang tidak boleh dipinda oleh Dewan Undangan Negeri ialah syarat-syarat yang berkaitan dengan menduduki takhta sebagai Raja dan bakal Raja yang akan menaiki takhta. Termasuk juga perkara-perkara yang ada hubungan dengan membuang, mengundur diri atau turun takhta seseorang Raja, bakal Raja atau bakal-bakal Raja. Begitu juga perkara-perkara yang berkaitan dengan isteri Raja, pemangku Raja atau ahli-ahli majlis pemangku Raja, peraturan balai-balai dan Istana Diraja. Perkara-perkara lain yang termasuk di dalam perkara yang tidak boleh dipertikaikan oleh Dewan Undangan Negeri ialah perkara-perkara yang berkaitan dengan mengadakan pangkat-pangkat kebesaran mengikut adat-adat Melayu. Ini termasuklah menubuh, mengatur, menetapkan dan melucutkan pangkat-pangkat mengikut adat Melayu yang ada hubungan dengan gelaran, kehormatan, kebesaran-kebesaran dan kurniaan-kurniaan serta segala ketetapan yang berkenaan dengan orang yang layak untuk mendapatnya. Begitu juga mengenai institusi-institusi yang ditubuhkan untuk membantu Raja, kewajipan Raja sebagai ketua agama negeri serta ahli-ahli Majlis agama Islam dan adat istiadat Melayu.⁸⁶

Semua isi perlembagaan negeri yang ada hubungan dengan institusi dan diri Raja sebagaimana yang dijelaskan di atas hanya boleh dipinda oleh Baginda Raja setelah berbincang dengan sesebuah institusi yang menjadi penasihat kepada Baginda. Ianya tidak boleh dipinda dengan sebarang cara yang lain. Setiap Negeri mempunyai badan khas atau Majlis masing-masing yang berfungsi sebagai penasihat, penolong Raja, menguruskan dan membantu Raja masing-masing dalam menjalankan kewajipan Baginda Raja. Di negeri Johor, Terengganu dan Pahang ianya dinamakan Juma'ah Pangkuan Negeri. Dalam bahasa Inggeris ia diistilahkan sebagai *Supporters of the Country*⁸⁷ di negeri Johor dan *The Supporters of the state* bagi negeri Terengganu⁸⁸ dan Pahang.⁸⁹ Di Perak ia dinamakan sebagai Dewan Negara.⁹⁰ Di Kedah dan Perlis

⁸⁶ Lihat, Article 2 (2), Second Part, The Laws of The Constitution of Terengganu; Article III (1) (2), Part II, The Laws of The Constitution of Perak; Article 4 (2) (6), The Laws of The Constitution of Perlis; Article 4 (2) (6), The Laws of The Constitution of Kedah; Article III (2), Second Part, The Constitution of The State of Kelantan; Article 34 (1), Part I, The Constitution of The State of Pahang; Article XCVIII (2) (3), The Laws of The Constitution of Selangor 1959; Article LXXVIII (2), The Laws of The Constitution of Negeri Sembilan; Article V (1) (2), Third Part, The Laws of The Constitution of Johore.

⁸⁷ Article I, First Part, The Laws of The Constitution of Johore.

⁸⁸ Article XIX, Second Part, The Laws of The Constitution of Terengganu.

⁸⁹ Article 25, Part I, The Constitution of The State of Pahang.

⁹⁰ Article LVII, Part II, The Laws of The Constitution of Perak.

dinamakan Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja (*Council of Succession*).⁹¹ Di Kelantan ianya dinamakan Majlis Perajaan Negeri (*Council of Succession*).⁹² Di Selangor dinamakan Dewan Diraja.⁹³ Di Negeri Sembilan dinamakan Dewan Ke'adilan dan Undang (*The Council of The Yang Dipertuan Besar And The Rulling Chiefs*).⁹⁴

Mengikut Perlembagaan Persekutuan Raja-raja tersebut merupakan Ketua bagi negeri masing-masing dan Baginda mengambil keutamaan mengatasi segala orang lain dalam negerinya sendiri.⁹⁵ Raja-raja berkuasa mengeluarkan arahan dan memanggil Dewan undangan Negeri untuk bermesyuarat dari masa ke semasa. Dewan Undangan negeri tidak boleh dibiarkan selama enam bulan tanpa apa-apa mesyuarat.⁹⁶ Raja juga mempunyai kuasa untuk memberhenti atau membubarkan Dewan Undangan Negeri.⁹⁷ Selain itu Baginda Raja-raja boleh memberikan ucapan di dalam persidangan Dewan Undangan bagi negeri masing-masing. Sekiranya Raja-raja tidak dapat hadir Baginda boleh mengutuskan titah perintah atau ucapan masing-masing ke Dewan tersebut.⁹⁸

Perlembagaan Persekutuan juga mensyaratkan kepada semua negeri-negeri yang mempunyai Raja agar segala undang-undang yang telah diluluskan di peringkat Dewan Undangan Negeri mestilah terlebih dahulu mendapat kelulusan Raja di negeri masing-masing sebelum ianya dikuatkuasakan. Peruntukan tersebut telah disenaraikan di dalam Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan, dan diisytiharkan sebagai salah satu dari peruntukan-peruntukan yang dimasukkan ke dalam Perlembagaan negeri-negeri. Sehingga kini semua negeri-negeri yang mengamalkan sistem pemerintahan Raja berperlembagaan telahpun memasukkan peruntukan tersebut kedalam perlembagaan negeri masing-masing. Peruntukan itu menegaskan:

⁹¹ Lihat Article 10, The Laws of The Constitution of Perlis; Article 8, The Laws of The Constitution of Kedah.

⁹² Article V, Second Part, The Constitution of The State of Kelantan.

⁹³ Article XXIII, The Laws of The Constitution of Selangor 1959.

⁹⁴ Article XVI (1), The Laws of The Constitution of Negeri Sembilan.

⁹⁵ Perkara 70 (1) Perlembagaan Persekutuan.

⁹⁶ Seksyen 9 (1) Jadual Kelapan, Perlembagaan Persekutuan.

⁹⁷ Seksyen 9 (2) Jadual Kelapan, Perlembagaan Persekutuan.

⁹⁸ Lihat, Article 58, The Laws of The Constitution of Perlis; Article 56, The Laws of The Constitution of Kedah; Article XLII, The Constitution of The State of Kelantan; Article XXXVII, The Laws of The Constitution of Terengganu; Article 29, The Constitution of The State of Pahang; Article XXXVIB, The Laws of The Constitution of Perak; Article LXXIII, The Laws of The Constitution of Selangor; Article LIX, The Laws of The Constitution of Negeri Sembilan; Article XXVI, The Laws of The Constitution of Johore.

*“Kuasa bagi Badan Perundangan membuat undang-undang hendaklah dijalankan dengan Rang undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Negeri dan dipersetujui oleh Raja”.*⁹⁹

Oleh itu bagi semua negeri yang ada Raja, semua Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Negeri hendaklah terlebih dahulu dipersetujui oleh Raja sebelum ianya diisytihar dan dikuatkuasakan. Sesuatu Rang Undang-undang adalah secara rasmi akan menjadi undang-undang apabila ia diperkenankan oleh Raja dan ia dinamakan sebagai Enakmen (*Enactment*) Undang-Undang Negeri.¹⁰⁰

Yang di Pertuan Agong sebagai Ketua Negara Malaysia

Mengikut Perlembagaan Persekutuan ketua tertinggi bagi Negara Malaysia ialah Yang di Pertuan Agong.¹⁰¹ Yang di Pertuan Agong ialah ketua negara, berbeza dengan Perdana Menteri sebagai ketua kerajaan. Raja memiliki kuasa sementara Perdana Menteri berkuasa mengendalikan pemerintahan.¹⁰² Oleh itu Baginda mempunyai keutamaan yang

⁹⁹ Seksyen 11 (1) Jadual Kelapan, Perlembagaan Persekutuan. Lihat juga Article 62 (1), The Laws of The Constitution of Perlis; Article 60 (1), The Laws of The Constitution of Kedah; Article XXXIX (1), First Part, The Constitution of The State of Kelantan; Article XXXVI, First Part, The Laws of The Constitution of Terengganu; Article 34 (1), Part II, The Constitution of The State of Pahang; Article XXXVIII, Part I, The Laws of The Constitution of Perak; Article LXXVIII (1), The Laws of The Constitution of Selangor 1959; Article LXIV (1), The Laws of The Constitution of Negeri Sembilan; Article XXXI (1), Second Part, The Laws of The Constitution of Johore.

¹⁰⁰ Lihat, Article 63, The Laws of The Constitution of Perlis; Article 61, The Laws of The Constitution of Kedah; Article XLI, First Part, The Constitution of The State of Kelantan; Article XXXIX, First Part, The Laws of The Constitution of Terengganu; Article 36, Part II, The Constitution of The State of Pahang; Article 26 (3A), The Constitution of The State of Penang; Article XLI, Part I, The Laws of The Constitution of Perak; Article LXXXI (1), The Laws of The Constitution of Selangor; Article LXV, The Laws of The Constitution of Negeri Sembilan; Article XXXII, Second Part, The Laws of The Constitution of Johore; Perkara 26 (3), Perlembagaan Negeri Melaka; Article 26 (2), The Constitution of The State of Sabah; Article 26 (2), The Constitution of The State of Sarawak; Seksyen 11 (1) Jadual Kelapan, Perlembagaan Persekutuan.

¹⁰¹ Perkara 32, Perlembagaan Persekutuan.

¹⁰² Tun Mohamed Suffian, *Pengenalan Sistem Undang-Undang Malaysia*, c. 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1990, h. 25.

lebih dari orang lain di Malaysia. Di antara keutamaan yang dimiliki oleh baginda ialah menjadi ketua kepada semua raja-raja Melayu yang lain di seluruh Malaysia.¹⁰³ Status Baginda sebagai ketua itu diakui oleh Majlis Raja-Raja Melayu. Sebagai Ketua Negara, Yang di Pertuan Agong juga adalah menjadi ketua kepada badan Perundangan, Badan Pemerintahan dan Badan Kehakiman. Baginda berhak menyimpan dan menggunakan Mohor Besar Persekutuan.¹⁰⁴

Baginda ialah raja yang terpilih menjadi Yang di Pertuan Agong oleh majlis Raja-Raja¹⁰⁵ untuk jangka masa lima tahun.¹⁰⁶ Tempoh biasa bagi Yang di Pertuan Agong memegang jawatannya ialah selama lima tahun. Namun demikian baginda bebas untuk melepaskan jawatan tersebut pada bila-bila masa sahaja dengan mengutus surat kepada Majlis Raja-Raja. Majlis Raja-Raja juga boleh memecat¹⁰⁷ pemegang jawatan Yang di Pertuan Agong menurut budi bicara mereka.¹⁰⁸ Jawatan Yang di Pertuan Agong juga akan gugur bila ia berhenti daripada menjadi raja.

Mengikut Perlembagaan Persekutuan setiap Raja Melayu layak untuk dipilih menjadi Yang di Pertuan Agong kecuali dengan sebab-sebab tertentu beliau tidak boleh dipilih.

¹⁰³ Raja-raja bagi tujuh buah negeri di Malaysia digelar Sultan. Negeri-negeri yang rajanya bergelar Sultan ialah Selangor, Perak, Kedah, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan. Bagi negeri Perlis rajanya disebut sebagai "Raja Perlis" dan bagi Negeri Sembilan pula dipanggil "Yang di Pertuan Besar Negeri Sembilan".

¹⁰⁴ Perkara 36, Perlembagaan Persekutuan.

¹⁰⁵ Majlis Raja-Raja dianggotai oleh Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja dan Yang di-Pertua Negeri bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai raja. Mereka adalah, terdiri dari sembilan raja dan empat gabenor, tetapi hanya raja-raja sahaja yang hadir semasa memilih Yang di Pertuan Agong. Majlis Raja-Raja mempunyai suatu Mohor Besar Raja-Raja. Mohor tersebut disimpan oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja yang dilantik oleh Majlis itu. Beliau adalah merupakan Setiausaha kepada Majlis Raja-Raja dan memegang jawatannya selama yang diperkenankan oleh Majlis tersebut. Yang di-Pertua Negeri bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai raja tidak boleh menjadi ahli dalam apa-apa mesyuarat yang berhubung dengan pemilihan atau pemecatan Yang di Pertuan Agong dan Timbalannya. Begitu juga dalam masalah yang berhubung dengan keistimewaan, kedudukan, kehormatan, dan kebebasan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja atau berhubung dengan perbuatan, amalan atau upacara agama. Lihat Jadual seksyen 7, Perlembagaan Persekutuan.

¹⁰⁶ Perkara 32 (3), Perlembagaan Persekutuan.

¹⁰⁷ Bahagian III, Jadual Ketiga, Perlembagaan Persekutuan.

¹⁰⁸ Sesuatu ketetapan untuk memecat Yang di Pertuan Agong tidak boleh diluluskan kecuali sekurang-kurangnya lima orang ahli Majlis Raja-Raja telah mengundi menyokongnya. Lihat Jadual Ketiga Bahagian 3, Perlembagaan Persekutuan.

Beliau tidak layak dipilih jika beliau adalah seorang remaja yang tidak cukup umur atau beliau sendiri tidak mahu dirinya dipilih atau Majlis Raja-Raja membuat ketetapan melalui undi sulit bahawa beliau tidak sesuai menjadi Yang di Pertuan Agong atas sebab-sebab kelemahan akal atau tubuhnya atau oleh sebab-sebab lain.¹⁰⁹

Jawatan Yang di Pertuan Agong adalah ditawarkan oleh Majlis Raja-Raja kepada raja yang layak untuk dipilih mengikut susunan senarai yang telah dipersetujui oleh Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja sesama mereka. Raja yang layak untuk dipilih ialah raja yang negerinya berada ditempat pertama dalam senarai pemilihan tersebut. Apabila Raja yang ditawarkan jawatan tersebut menerima jawatan itu, Majlis Raja-Raja hendaklah mengisytiharkan bahawa Raja tersebut telah dipilih. Penyimpan mohor Besar Raja-Raja hendaklah memberitahu keputusan itu secara bertulis kepada Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Sebelum bertugas baginda hendaklah terlebih dahulu mengangkat dan menandatangani suatu sumpah jawatan di hadapan Majlis Raja-Raja dengan dihadiri oleh Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan. Sumpah itu juga hendaklah disaksikan serta ditandatangani oleh dua orang yang dilantik untuk tujuan tersebut oleh Majlis Raja-Raja. Sumpah itu adalah suatu jaminan yang menyatakan bahawa baginda akan melakukan tugas dengan adil dan jujur dalam pentadbiran Malaysia, sejajar dengan undang-undang dan perlembagaan. Baginda juga hendaklah berikrar akan memelihara agama Islam pada setiap masa. Begitu juga akan membela keadilan serta keamanan dalam negara.¹¹⁰ Parlimen hendaklah menggubal suatu peruntukan Diraja bagi Yang di Pertuan Agong yang berbentuk anuiti dan saraan. Peruntukan tersebut bolehlah diambil dari Kumpulan Wang Disatukan.¹¹¹

Apabila baginda memegang jawatan sebagai Yang di Pertuan Agong, baginda kekal menjadi raja tetapi tidak boleh melakukan tugasnya sebagai raja kecuali ketua agama Islam¹¹² di negerinya. Sebab itu biasanya sebelum memegang jawatan Yang di Pertuan Agong, baginda terlebih dahulu melantik seorang Raja Muda atau pemangku raja untuk menjaga negerinya pada masa baginda memegang jawatan berkenaan.

¹⁰⁹ Lihat Jadual Ketiga, Bahagian 1, Perlembagaan Persekutuan.

¹¹⁰ Perkara 37 (1) dan Bahagian 1, Jadual Keempat, Perlembagaan Persekutuan.

¹¹¹ Perkara 35, Perlembagaan Persekutuan.

¹¹² Perkara 34 (1), Perlembagaan Persekutuan.

Baginda tidak boleh memegang jawatan lain yang bergaji.¹¹³ Baginda tidak dibenarkan terlibat secara aktif dalam bidang perniagaan dan perdagangan.¹¹⁴ Baginda tidak boleh menerima sebarang gaji sebagai raja negerinya di bawah perlembagaan negeri dan sebarang undang-undang negeri.¹¹⁵ Baginda tidak dibenarkan keluar negeri lebih dari 15 hari tanpa mendapat persetujuan Majlis Raja-Raja kecuali untuk lawatan rasmi ke negara luar.¹¹⁶

Apabila seseorang raja itu dilantik menjadi Yang di Pertuan Agong ia tidak lagi berkuasa untuk menjalankan tugas-tugas bagi negerinya kecuali untuk tiga perkara sahaja, iaitu; tugasnya sebagai ketua Agama Islam, kuasa yang berkaitan dengan pindaan perlembagaan negerinya dan kuasa melantik pemangku Raja dan ahli-ahli jemaah pemangku Raja di negerinya.¹¹⁷

Yang di Pertuan Agong merupakan anggota Parlimen Malaysia yang paling penting bersama dengan Dewan Negara dan Dewan Rakyat.¹¹⁸ Baginda adalah ketua badan perundangan negara yang mempunyai tugas yang paling penting dalam penggubalan undang-undang. Sesuatu undang-undang yang ingin dilaksanakan mestilah terlebih dahulu diperkenankan dan diluluskan oleh baginda.¹¹⁹ Walaupun baginda tidak duduk bersidang bagi setiap kali persidangan, baginda mempunyai kuasa untuk meluluskan undang-undang yang telah dipersetujui oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Yang di Pertuan Agong hendaklah dalam masa tiga puluh hari memperkenan dan meluluskan rang undang-undang yang dikemukakan kepada baginda dengan dicapkan dengan Mohor Besar. Sesuatu Rang Undang-undang itu secara rasmi menjadi undang-undang apabila ianya disahkan oleh Yang di Pertuan Agong.¹²⁰

Baginda berkuasa untuk memanggil, memberhentikan dan membubarkan Parlimen. Baginda dikehendaki memanggil Parlimen bermesyuarat dari masa ke semasa dan tidak boleh dibiarkan enam bulan berselang di antara mesyuarat akhir bagi satu persidangan dengan mesyuarat pertama bagi persidangan yang akan datang.¹²¹ Baginda

¹¹³ Perkara 34 (2), Perlembagaan Persekutuan.

¹¹⁴ Perkara 34(3), Perlembagaan Persekutuan.

¹¹⁵ Perkara 34 (4), Perlembagaan Persekutuan.

¹¹⁶ Perkara 34 (5), Perlembagaan Persekutuan.

¹¹⁷ Perkara 34 (8), Perlembagaan Persekutuan.

¹¹⁸ Perkara 44, Perlembagaan Persekutuan.

¹¹⁹ Perkara 66, Perlembagaan Persekutuan.

¹²⁰ Perkara 66 seksyen 4 dan 5, Perlembagaan Persekutuan.

¹²¹ Perkara 55, Perlembagaan Persekutuan.

juga mempunyai hak untuk menyampaikan ucapan sama ada di Majlis Dewan Negara atau Dewan Rakyat atau kepada kedua-dua Majlis secara bersama.¹²² Baginda diberi kuasa untuk melantik Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat.¹²³

Yang di Pertuan Agong juga berkuasa melantik sebahagian dari ahli-ahli Dewan Negara, iaitu seramai empat puluh orang.¹²⁴ Selain itu baginda boleh melantik dua orang ahli yang mewakili Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan seorang ahli yang mewakili Wilayah Persekutuan Labuan.¹²⁵ Ahli-ahli Dewan Negara yang dilantik oleh baginda biasanya adalah dari kalangan orang-orang yang berbuat jasa yang cemerlang dalam perkhidmatan awam atau telah mencapai kepujian dalam lapangan profesyen, perdagangan, perusahaan, pertanian, kegiatan kebudayaan atau perkhidmatan masyarakat atau yang mewakili kaum-kaum yang kecil bilangannya atau yang mempunyai kebolehan mewakili kepentingan orang-orang asli.¹²⁶ Sekiranya berlaku kekosongan Ahli Dewan Negara dari kalangan wakil-wakil negeri, Yang di Pertuan Agong berkewajipan memberi notis kepada Raja atau Yang Dipertua negeri berkenaan untuk memilih wakil lain bagi menggantikan tempat tersebut.¹²⁷

Mengikut perlembagaan, Baginda juga mempunyai kuasa dalam badan pemerintahan. Sebagai ketua badan pemerintahan, baginda diberi kuasa untuk melantik Jemaah Menteri untuk menasihatkan baginda dalam menjalankan tugas-tugasnya.¹²⁸ Yang di Pertuan Agong dengan budibicaranya boleh melantik Perdana Menteri dari kalangan ahli Dewan Rakyat yang pada pendapatnya akan mendapat kepercayaan sebilangan besar ahli-ahli Dewan tersebut.¹²⁹ Baginda juga diberi kuasa untuk melantik beberapa orang menteri¹³⁰ dan beberapa orang Timbalan Menteri dari kalangan ahli parlimen.¹³¹ Menteri-menteri dan Timbalannya boleh memegang jawatan mereka selama ianya diperkenankan oleh Yang di Pertuan Agong. Baginda atas nasihat Perdana Menteri boleh membatalkan jawatan mana-mana menteri.¹³² Dalam bidang pemerintahan, Yang

¹²² Perkara 60, Perlembagaan Persekutuan.

¹²³ Perkara 65 (2), Perlembagaan Persekutuan.

¹²⁴ Perkara 45(1b), Perlembagaan Persekutuan.

¹²⁵ Perkara 45 (1aa), Perlembagaan Persekutuan.

¹²⁶ Perkara 45 (2), Perlembagaan Persekutuan.

¹²⁷ Jadual ketujuh seksyen 1 (2), Perlembagaan Persekutuan.

¹²⁸ Perkara 43(1), Perlembagaan Persekutuan.

¹²⁹ Perkara 43 (2)a, Perlembagaan Persekutuan.

¹³⁰ Perkara 43 (1), Perlembagaan Persekutuan.

¹³¹ Perkara 43A (1), Perlembagaan Persekutuan.

¹³² Perkara 43 (5), Perlembagaan Persekutuan.

di Pertuan Agong dalam segala tindakannya hendaklah menurut nasihat Jemaah Menteri atau seorang Menteri yang diberi kuasa oleh Jemaah Menteri.¹³³ Contohnya dikehendaki menerima nasihat Perdana Menteri.

Baginda juga berkuasa melantik beberapa jawatan penting dalam negara. Di antaranya ialah melantik pengerusi dan ahli Suruhanjaya Pilihanraya,¹³⁴ Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,¹³⁵ Ketua Hakim Negara,¹³⁶ Peguam Negara,¹³⁷ Juru Audit Negara,¹³⁸ duta-duta dan lain-lain lagi. Baginda juga adalah pemerintah tertinggi dalam angkatan tentera¹³⁹ dan bertanggung jawab memberikan tauliah dan melantik pegawai-pegawai dalam angkatan tentera. Contohnya, melantik Ketua Turus Angkatan Tentera dan dua orang pegawai turus kanan Angkatan Tentera Persekutuan.¹⁴⁰ Namun demikian, baginda tidak mempunyai kuasa untuk mengeluarkan perintah kepada angkatan tersebut. Walaupun demikian, kuasa tersebut boleh dijalankan tertakluk kepada beberapa peruntukan undang-undang yang ada di dalam persekutuan.

Sebagai ketua badan kehakiman, baginda berkuasa melantik Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi dan hakim-hakim yang lain.¹⁴¹ Baginda juga terlibat dalam pelantikan Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen dan majistret di Wilayah Persekutuan, dan keadilan diberi atas nama baginda. Sebagai sumber keadilan baginda mempunyai kuasa mengampun dan menangguhkan hukuman-hukuman mengenai segala kesalahan yang telah dibicarakan oleh Mahkamah Tentera serta kesalahan yang dilakukan di Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan.¹⁴²

Atas kedudukan peribadi baginda yang tinggi itu, baginda tidak boleh didakwa dalam apa-apa jua pembicaraan dalam mana-mana mahkamah, kecuali dalam Mahkamah

¹³³ Perkara 40 (1), Perlembagaan Persekutuan.

¹³⁴ Perkara 114, Perlembagaan Persekutuan.

¹³⁵ Perkara 139 (4), Perlembagaan Persekutuan.

¹³⁶ Perkara 122B(1), Perlembagaan Persekutuan.

¹³⁷ Perkara 145, Perlembagaan Persekutuan.

¹³⁸ Perkara 105, Perlembagaan Persekutuan.

¹³⁹ Perkara 41, Perlembagaan Persekutuan.

¹⁴⁰ Perkara 137 (3) c dan e, Perlembagaan Persekutuan.

¹⁴¹ Perkara 122B (1), Perlembagaan Persekutuan.

¹⁴² Perkara 42 (1), Perlembagaan Persekutuan. Bagi kesalahan yang dilakukan di negeri-negeri lain selain dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, kuasa mengampun adalah terserah kepada Raja atau Gabenor negeri berkenaan.

Khas sahaja.¹⁴³ Sekiranya baginda dipertuduh atas sesuatu kesalahan di Mahkamah Khas, baginda hendaklah berhenti dari menjalankan fungsinya sebagai Yang di Pertuan Agong.¹⁴⁴ Dalam bidang agama baginda kekal menjadi ketua agama di negeri baginda¹⁴⁵ dan juga ketua agama di negeri-negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak,¹⁴⁶ dan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan.

KESIMPULAN

Dari keseluruhan penjelasan di atas dapatlah dibuat kesimpulan bahawa Ketua Negara Islam digelarkan dengan berbagai-bagai istilah seperti *khalīfah*, *imām*, *al-imāmah al-kubrā*, *amīr*, *amīr al-mu'minīn* dan lain-lain. Perbezaan yang terdapat di sini ialah tentang istilah yang digunakan sahaja, sedangkan mengikut perspektif Islam, fungsi dan tanggungjawab yang dimainkan oleh mereka adalah sama sahaja. Penggunaan istilah itu bukanlah suatu perkara yang terlalu penting, tetapi yang lebih penting ialah fungsi dan peranan yang dimainkan oleh ketua negara dalam sesebuah negara. Dalam sejarah perkembangan institusi politik raja-raja Melayu terdahulu, didapati raja-raja telah memainkan peranan yang sangat penting sebagai ketua negara. Raja-raja dianggap sebagai pemilik kerajaan yang telah mempertahankan imej Islam dan mengamalkan undang-undang berasaskan syari'at Allah s.w.t. Melalui sistem pemerintahan raja berpelembagaan yang diamalkan di Malaysia hari ini adalah diharapkan kedaulatan Islam dapat dikembalikan semula. Raja-raja sememangnya mempunyai tanggungjawab yang besar untuk mendaulatkan sistem politik Islam yang sejati dan melaksanakan segala syari'at yang diperintahkan oleh Allah.

¹⁴³ Mahkamah Khas adalah sebuah mahkamah yang ditubuhkan khas, dianggotai oleh Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan sebagai pengerusi, hakim-hakim besar Mahkamah Tinggi dan dua orang lain yang dilantik oleh Majlis Raja-Raja. Dua orang yang dilantik itu adalah yang memegang atau yang pernah memegang jawatan sebagai hakim Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Tinggi. Lihat, Perkara 32 (1) dan Perkara 182 (1), Perlembagaan Persekutuan.

¹⁴⁴ Perkara 33A (1), Perlembagaan Persekutuan.

¹⁴⁵ Perkara 34 (1), Perlembagaan Persekutuan.

¹⁴⁶ Perkara 3 (3), Perlembagaan Persekutuan.